



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MAKANAN HALAL: KESAN PADA PEMBINAAN SAHSIAH MUSLIM"

20 Disember 2024 / 18 Jamadilakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: **"MAKANAN HALAL: KESAN PADA PEMBINAAN SAHSIAH MUSLIM"**

Firman Allah SWT ayat 168 surah al-Baqarah:

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Bermaksud: Wahai manusia, makanlah daripada makanan yang halal dan baik yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan! Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu".

Makanan halal merujuk kepada segala jenis makanan yang dibenarkan untuk dimakan berlandaskan hukum syarak. Makanan adalah satu keperluan asasi untuk membolehkan manusia terus hidup. Lazimnya manusia makan tiga kali sehari pada waktu pagi, petang dan malam bagi memenuhi keperluan jasmani. Pengambilan makanan yang halal, bersih dan baik akan menatijahkan pelbagai faedah; membentuk jiwa bertakwa, di samping membina sahsiah Muslim yang baik.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Islam menuntut umatnya agar mencari makanan yang bersih lagi halal. Ayat 168 surah al-Baqarah yang khatib bacakan pada awal khutbah, menunjukkan perintah mencari makanan yang *Halalan Toyyiban*; bermaksud halal lagi bersih, suci dan diyakini; bukan sekadar kebersihan luaran malah dipastikan juga kebersihan kandungan, kualiti bahan, malah turut diberikan perhatian terhadap kebersihan proses menghasilkan makanan, serta keselamatan menggunakan sesuatu makanan.

Ummah hendaklah mengutamakan makanan yang halal, segar, berkualiti lagi berkhasiat. Ibu bapa dan penjaga bertanggungjawab memastikan makanan yang dihidangkan kepada anak-anak adalah makanan yang halal, bersih, berkhasiat; dielakkan makanan yang berkemungkinan mendatangkan risiko atau memberi mudarat.

Kini kemudahan kaedah dan teknologi pemprosesan makanan, membolehkan manusia menghasilkan pelbagai makanan, terhidangnya pelbagai juadah makanan; juga membolehkan manusia mudah mendapatkannya melalui pelbagai saluran khidmat penghantaran. Namun Rasulullah SAW memperingatkan umat agar mencari makanan yang halal, menjauhi makanan yang haram, juga menjauhi makanan yang diragui atau samar-samar status halalnya. Baginda SAW bersabda:

إِنَّ الْحَالَالَ بَيْنَ وَإِنَّ وَالْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُّشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ فَمَنْ  
اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ

Bermaksud: Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram juga jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara yang syubhah (samar-samar) yang tidak diketahui oleh ramai manusia. Maka sesiapa yang menjauhi perkara syubhah bermakna dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya dan sesiapa yang terjerumus dalam perkara syubhah maka dibimbangkan terjerumus ke dalam perkara haram.

(Hadis Riwayat Muslim)

### **Jemaah yang dilimpahi fadilat Allah**

Mimbar menyenaraikan kesan makanan halal pada pembinaan sahsiah Muslim:

**Pertama: Membentuk jiwa yang suci dan bersih** – pengambilan makanan yang halal dan bersih menandakan kepatuhan seorang hamba kepada syariat Islam, mencerminkan jiwa yang bersih dan taat kepada Allah SWT.



**Kedua: Membentuk perilaku murni** – makanan yang halal serta bebas dari mengandung unsur-unsur syubhah dan haram, akan menatijahkan perlakuan dan akhlak yang terpuji. Manakala makanan yang mengandung unsur-unsur syubhah dan haram, seperti makanan hasil dari kegiatan mencuri, menipu dan rasuah serta penyembelihan yang tidak mengikut syarak, akan mengakibatkan perlakuan buruk terbit dari hati yang kotor; bersifat degil, keras hati – keras kepala, tidak jujur dan sebagainya.

**Ketiga: Mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal** – pengambilan makanan yang berkualiti dan halal berupaya mengurangkan risiko terkena penyakit, mencerdaskan minda, malah tubuh badan menjadi lebih sihat dan bertenaga untuk melakukan ibadah, riadah dan kegiatan-kegiatan berfaedah yang turut memberikan kebaikan kepada kesihatan mental.

**Keempat: Memupuk keberkatan dan asbab doa dimustajabkan** – Makanan halal dijamin oleh Allah SWT akan membawa keberkatan hidup, juga syarat untuk sesuatu amalan dan doa diperkenankan. Baginda SAW memperingatkan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Abu Hurairah RA yang mafhumnya: "Seorang lelaki yang bermusafir jauh menadah tangan ke langit dan berdoa "Ya Tuhan (perkenankan doaku)" sedang makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan apa-apa yang disuapkannya haram, maka bagaimana doanya akan diperkenankan".

Alhamdulillah, kesedaran untuk mendapatkan sijil halal semakin meningkat. Perangkaan Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Perak menunjukkan, 715 permohonan sijil halal direkodkan bagi tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, 489 permohonan bersamaan 68 peratus ialah permohonan yang diterima daripada bukan Bumiputera; sementara 226 permohonan, bersamaan 32 peratus ialah permohonan daripada Bumiputera. Memiliki sijil halal bukan sekadar melengkap tuntutan syariat, tetapi turut memberikan keyakinan kepada masyarakat bahawa produk yang digunakan adalah bersih, suci dan berkualiti. Dengan adanya logo halal yang diiktiraf, keraguan pengguna dapat ditangani, sementara hak pengguna dilindungi untuk mendapat panduan penggunaan yang betul, dan produk atau makanan yang halal dan selamat.

**Jemaah Rahimakumullah,**

Mimbar menyeru kepada peringatan-peringatan berikut:



**Pertama:** Memilih makanan halal lagi bersih, hukumnya wajib dan tidak boleh dipandang ringan.

**Kedua:** Ummah sebaiknya memilih dan mengutamakan tempat-tempat makanan yang memiliki sijil halal dari JAKIM; tempat makan yang bersih, begitu juga dipastikan kaedah menyediakan makanan terjamin bersih.

**Ketiga:** Disemak dengan teliti taraf halal, ramuan dan kandungan setiap bahan atau produk makanan yang mahu dibeli, terutama bahan dan produk yang diimport daripada luar negara.

**Keempat:** Para usahawan, pengeluar dan peniaga digalakkan membuat permohonan pensijilan halal daripada pihak berkuasa agar masyarakat mendapat panduan kegunaan yang betul; di samping berlaku jujur memastikan bahan dan produk makanan yang dihasilkan dan dijual adalah halal, bersih dan selamat.

**Kelima:** Para pengguna dinasihatkan menyemak taraf halal sesuatu produk dengan melayari website [www.myhalal.gov.my](http://www.myhalal.gov.my) atau muat turun aplikasi 'Smart Halal' di telefon bimbit.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Latif Ya Fatihal Barakah!**, Berkatilah setiap rezeki yang Engkau kurniakan. Cukupkan bagi kami rezeki yang halal serta jauhi kami dari memperoleh makanan, pakaian dan harta daripada sumber yang haram serta meragukan. Dengan rezeki yang halal, limpahkan kami kelapangan jiwa, ketenangan hidup, keberkatan rezeki, agar segala amalan yang kami lakukan – permohonan yang kami panjatkan, diperkenan dan diterima oleh Mu seterusnya mendapat keredaan Mu.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.

kepada khatib/imam bertugas di daerah Taiping  
\* mohon mengumumkan maklumat di bawah  
sebelum solat fardu Jumaat.

Lampiran A

#### KAEDAH SEMAKAN DAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

1. Adalah dimaklumkan, **MPT tidak lagi mengepos Bil Cukai Taksiran ke rumah/premis bermula penggal kedua tahun 2020. Semakan dan bayaran Cukai Taksiran digalakkan dibuat secara dalam talian** melalui sistem e-Bayar MPT atau aplikasi mobil myMPT Taiping di Playstore dan Apps Store. Semakan dan transaksi bayaran Bil Cukai Taksiran juga boleh dibuat melalui sistem PBTPay manakala aplikasi mobil PBTPay melalui Playstore dan Apps Store.
2. Warga Taiping yang mempunyai masalah untuk semakan secara dalam talian, boleh membuat semakan dan bayaran seperti biasa di Kaunter Pembayaran MPT mengikut tempoh yang telah ditetapkan iaitu bagi penggal pertama sebelum atau pada 28 Februari manakala bagi penggal kedua sebelum atau pada 31 Ogos setiap tahun.
3. MPT amat menghargai pemilik harta yang sentiasa membuat bayaran awal dan tanpa tunggakan. Oleh itu, Program Insentif Cukai Taksiran 2025 akan diteruskan sepertimana tahun-tahun sebelumnya. Pemilik harta hanya perlu menjelaskan cukai taksiran secara setahun dan tanpa tunggakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan untuk menyertai program ini.
4. Program Insentif Cukai Taksiran 2025 mengadakan dua (2) kategori hadiah cabutan bertuah iaitu :
  - i. **Kategori A:** Bayaran secara dalam talian yang menyediakan hadiah bonanza berupa sebuah Tablet dan 18 unit Telefon Pintar bagi hadiah saguhati dan manakala ;
  - ii. **Kategori B:** Bayaran melalui Kaunter MPT menyediakan hadiah bonanza berupa sebuah Tablet dan 10 unit Telefon Pintar bagi hadiah saguhati
5. Jom Bayar Cukai Taksiran anda **SEGERA** secara dalam talian (online) atau melalui Kaunter Pembayaran MPT secara setahun bagi tahun 2025 tanpa tunggakan **SEBELUM 28 FEBRUARI 2025** dan anda berpeluang memenangi hadiah **CABUTAN BERTUAH PROGRAM INSENTIF CUKAI TAKSIRAN 2025** yang menarik!
6. **DAPATKAN CENDERAMATA MUG DAN PEN EKSKLUSIF SECARA PERCUMA** bagi 10,000 pembayar awal bagi tahun 2025 di Kaunter Pembayaran MPT termasuk pembayaran secara dalam talian dan ianya boleh dituntut mulai 16 Disember 2024 tertakluk kepada terma dan syarat serta selagi stok masih ada.